



# MQA memperkukuh kualiti pengajian tinggi

Oleh MARZITA ABDULLAH

**P**ENUBUHAN Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada hakikatnya tidak menggantikan Lembaga Akreditasi Negara (LAN), tegas Pengerusinya Datuk Dr. Muhammad Rais Abdul Karim.

"MQA mewarisi LAN bukan menggantikannya, perpindahan LAN ke MQA melambangkan satu peralihan ke fasa baru iaitu suatu proses kematangan dalam evolusi jaminan kualiti pengajian tinggi Malaysia, selari dengan perkembangan tempatan dan antarabangsa," katanya.

Menurut beliau, peranan MQA kini lebih meluas, namun kerja utamanya dan misinya tetap sama iaitu menjamin kualiti pendidikan tinggi Malaysia, membaja keyakinan pihak-pihak berkepentingan dan menggalakkan pengukuhan kualiti bagi menjadikan pendidikan tinggi Malaysia setanding dengan yang terbaik di dunia.

Mengimbuai kembali penubuhan LAN pada 1997, ia ditubuhkan seiring dengan perubahan drastik polisi negara ke arah pendemokrasi pengajian tinggi.

Ia dipertanggungjawabkan untuk meregulasi standard dan kualiti pengajian tinggi swasta manakala Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pengajian Tinggi pula melaksanakan jaminan kualiti bagi institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Namun, sejak awal lagi dwi-sistem jaminan kualiti ini bersifat sementara dan LAN merupakan eksperimen dalam persiapan menyediakan satu sistem kualiti pengajian tinggi kebangsaan yang seragam yakni suatu kerangka kelayakan yang saling berhubung kait berasaskan standard kompetensi yang menyatupadukan kelayakan-kelayakan akademik, profesional, vokasional, teknikal dan kemahiran, awam dan swasta.

Justeru pada 1 November 2007, MQA secara rasminya telah ditubuhkan bagi memikul tanggungjawab tersebut.

"Penubuhan MQA didorong oleh perkembangan pesat pendidikan tinggi sejak tahun 1990-an dalam sektor pengajian tinggi awam dan swasta," katanya.

Perkembangan itu menimbulkan kepelbagaian dari segi jenis pembekal pendidikan dan latihan, jenis program seperti tempatan, francais, berkembar dan sebagainya, ketidakeragaman penamaan kelayakan dan kaedah penyampaian termasuk kaedah baru seperti e-pembelajaran, merentasi sempadan, jarak jauh, pembelajaran terbuka serta pembe-

lajaran fleksibel.

Pada masa yang sama, negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom (UK), New Zealand dan Australia sangat giat mengeksport produk pendidikan mereka, manakala negara Eropah menggalakkan mobiliti pelajar.

Ini menunjukkan bahawa negara terbabit sangat prihatin dan memberi perhatian penuh kepada usaha meningkatkan keyakinan awam terhadap standard program pengajian dan kelayakan.

Perkara penting yang diutamakan oleh negara berkenaan adalah objektiviti dan ketelusan sistem kualiti pengajian tinggi yang dicapai menerusi beberapa langkah utama seperti mempersetujui suatu prosedur jaminan kualiti program pengajian dan pengiktirafan kelayakan.

Ia juga membangunkan kerangka kelayakan nasional sebagai titik rujukan standard kelayakan dan menandatangani Konvensyen Lisbon iaitu perundangan antarabangsa berkaitan kualiti dan pengiktirafan kelayakan.

Justeru, dalam menangani perkembangan pesat pengajian tinggi dan kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran serta mengambil kira kepentingan pengiktirafan antarabangsa ke atas kelayakan tempatan, adalah amat penting satu agensi jaminan kualiti tunggal ditubuhkan.

"Ini akan dapat menyatupadukan sektor pengajian tinggi awam dan swasta, aliran teknikal, kemahiran dan akademik serta melaksanakan standard kelayakan sebagai titik rujukan yang telus dan sah bagi meningkatkan keyakinan pelbagai pihak berkepentingan terhadap sistem penganugerahan kelayakan negara," tegas beliau.

Kata Dr. Muhammad Rais, MQA adalah pemegang amanah Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang merupakan deklarasi Malaysia tentang kelayakan tempatan dan kualiti yang dimilikinya.

Seperti yang menjadi amalan bijak sistem jaminan kualiti antarabangsa, MQA berperanan sebagai badan pengesah kualiti program dan kelayakan yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi negara.

"MQA berperanan menyelia dan menyelaras jaminan kualiti pendidikan tinggi negara. Pelaksanaan jaminan kualiti secara berterusan ini akan menyumbang kepada pengukuhan kualiti dan bertujuan untuk membina keyakinan, meningkatkan daya saing negara, menanganai cabaran globalisasi pendidikan tinggi dan membangunkan modal insan," katanya.

Pelbagai pihak boleh merujuk senarai semua kelayakan yang sudah diakre-

ditasikan oleh MQA di dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR).

Daftar ini juga menjadi titik rujukan bagi pemindahan kredit antara program pengajian dan kelayakan kerana pemindahan kredit hanya boleh berlaku antara program yang sudah diakreditasi.

Menerusi proses jaminan kualiti yang menggunakan standard dan prosedur amalan bijak antarabangsa, MQA dapat menangani secara sistematik perkembangan sistem pendidikan yang semakin kompleks dan pelbagai termasuk e-pembelajaran dan memastikan semua program mencapai standard ditetapkan.

Langkah ini akan memudahkan urusan mendapat pengiktirafan dari dalam dan luar negara.

"Dalam masa sama, MQA turut menyokong dasar pembelajaran sepanjang hayat yang menjadi prinsip utama Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)," katanya.

Dasar ini memerlukan prinsip beroperasi seperti pengumpulan dan pemindahan kredit serta pengiktirafan pengetahuan dan pengalaman terkumpul yang tertib seperti terkandung dalam MQF.

Prinsip ini membolehkan seseorang itu memilih laluan pembelajaran yang paling sesuai sama ada formal, informal dan fleksibel dari segi masa dan tempat bagi meningkatkan keupayaan diri, kualiti dan produktiviti sepanjang hayat.

"Contohnya individu tidak dapat memasuki universiti atas sebab tertentu seperti perlu bekerja dahulu, boleh memenuhi hasrat di kemudian hari menerusi pengakreditasi pengetahuan dan pengalaman terkumpul yang diperoleh di tempat kerja, pembelajaran sendiri atau melalui kursus formal," katanya.

Ini secara langsung membolehkan perkembangan budaya pem-

belajaran sepanjang hayat.

MQA turut berperanan untuk menyokong dasar kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah hab kecemerlangan pendidikan di rantau ini dan pada peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, bagi merealisasikan hasrat terbabit, elemen sangat penting yang perlu dicapai adalah pengiktirafan antarabangsa terhadap kelayakan yang dianugerahkan oleh institusi pengajian tinggi tempatan.

Selain itu, usaha berterusan juga diambil dengan menjalin persefahaman menerusi pemeteraian perjanjian pengiktirafan bersama dengan negara pengeksport utama pendidikan tinggi seperti New Zealand, UK dan Amerika Syarikat serta menarik pelabur pendidikan berwujud untuk beroperasi di Malaysia.

Secara umumnya MQA dinaungi oleh sebuah Majlis MQA yang dipengeruskannya dengan ahli seramai 15 orang yang bertanggungjawab dalam soal dasar, perancangan strategik dan kewangan.

Ini termasuk seorang setiausaha yang merupakan pakar-pakar dalam bidang akademik dan pentadbiran negara.

Manakala operasi harian MQA diketuai seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu Timbalan-Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Jawatankuasa Akreditasi bagi lima bidang utama iaitu

sains dan perubatan, sains sosial, sastera dan kemanusiaan, kejuruteraan dan alam bina serta teknologi maklumat dan multimedia.



DR. MUHAMMAD RAIS ABDUL